

229

NO SOALAN :400

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
(TASEK GELUGOR)**
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat suku pertama 2018, berapakah peratus kadar hutang isi rumah negara kepada KDNK serta sejauh manakah pengurusan risiko mampu mengekalkan kadar kestabilan kewangan domestik sebagai langkah mengurangkan keberhutangan isi rumah yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah hutang isi rumah sebagai nisbah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) semakin berkurang kepada 84.3% pada Disember 2017, daripada 88.3% pada tahun 2016 (2015: 89%). Pengurangan ini disebabkan terutamanya oleh kadar pertumbuhan